



Zainal Abidin (dua, kiri) ketika meninjau perkembangan pembangunan PPR Kampung Permatang Tok Suboh.

## 231 rumah PPR untuk penduduk

**BUKIT MERTA JAM** - Penduduk Kampung Permatang Tok Suboh, di sini, mungkin boleh menarik nafas lega apabila Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dijanjikan akan siap dibina tidak lama lagi.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman berkata, projek yang menelan belanja sebanyak RM29.3 juta itu akan disiapkan selawat-lewatnya Ogos ini.

Menurutnya, projek yang bermula sejak 2012 itu merangkumi 231 unit rumah, surau, dewan dan tadika.

“Walaupun mengalami sedikit kelewatan namun kontraktor dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang me-

nyelia projek ini memberi jaminan ia akan siap seperti yang diadualkan.

“Saya berharap apabila projek ini siap sepenuhnya ia akan memberi keselesaan kepada penduduk khususnya penduduk asal Kampung Permatang Tok Suboh yang kehilangan rumah mereka selepas pemaju mengambil semula tanah mereka,” katanya kepada media selepas membuat lawatan kerja di tapak projek perumahan berkenaan baru-baru ini.

Katanya, hasil perbincangan yang dilakukan, pihaknya bersetuju untuk melaksanakan kaedah sewa beli untuk projek PPR berkenaan.

Bagaimanapun, perkara itu belum dapat dimuktamadkan kerana perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri.